

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah punca kegagalan Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional untuk mengutip balik bayaran pinjaman daripada 35% peminjamnya yang berjumlah kira-kira 690,000 orang dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Ogos 2014 seramai 990,915 peminjam atau 64.20 peratus telah membuat bayaran balik. Bagaimanapun terdapat peminjam yang menanggungkan bayaran balik disebabkan melanjutkan pengajian diperingkat yang lebih tinggi dan masih belum bekerja disamping ada segelintir peminjam yang mengambil mudah serta tidak mengendahkan tanggungjawab membuat bayaran balik. Pelbagai langkah telah dilakukan bagi memastikan peminjam membuat bayaran balik pinjaman PTPTN. Antaranya:

- i. memperbanyakkan dan mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM);

- ii. menyediakan pelbagai saluran bagi kemudahan bayaran balik pembiayaan pendidikan antaranya melalui kaunter dan perbankan internet ejen-ejen yang dilantik seperti bank-bank tempatan dan Pos Malaysia;
- iii. bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan dan pihak swasta untuk mengesan peminjam;
- iv. semasa pembentangan Bajet 2013 yang lalu, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan diskaun sebanyak 20 peratus bagi peminjam yang melangsaikan baki hutang pinjaman PTPTN mereka dalam tempoh 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013. Manakala, pemberian diskaun 10 peratus kepada mereka yang membayar pinjaman secara konsisten selama 12 bulan berturut-turut mengikut jadual masih diteruskan sehingga kini;
- v. menubuhkan cawangan PTPTN di setiap negeri bagi mempermudah urusan peminjam dan pendeposit SSPN-i.
- vi. bermula 1 Disember 2012, PTPTN juga telah mewujudkan sistem Pegawai Tanggungjawab (PTJ) di mana setiap pegawai PTPTN ditugaskan menyelia hampir 6,500 penerima biaya PTPTN. PTJ akan berhubung secara terus dengan penerima biaya berkaitan soal bayaran balik dan juga menjawab setiap persolan berkenaan pembiayaan pendidikan penerima biaya di bawah seliaan mereka. Mereka juga akan bertindak dalam melakukan pemantauan dan tindakan susulan untuk sentiasa mengemaskini rekod penerima biaya di bawah seliaan masing-masing;
- vii. Menyenaraikan peminjam tegar ke dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat atau CCRIS mulai tahun 2015; dan

- viii. Memperkenalkan Program Sahabat bagi mewujudkan kerjasama dengan agensi kerajaan atau swasta bagi menggalakkan kakitangan memilih kaedah potongan gaji bagi bayaran balik pembiayaan dan penambahan deposit SSPN-i disamping menjana pendapatan sampingan kepada Sahabat PTPTN. Setiap agensi yang menyertai program ini akan menikmati pemberian komisyen sebanyak RM10.00 bagi bayaran balik pinjaman secara potongan gaji kali pertama yang berjaya. Di samping itu, pemberian komisyen sebanyak RM2.00 bagi setiap pembukaan akaun SSPN-i yang berjaya dan RM0.50 bagi penambahan deposit SSPN-i yang dilaksanakan secara potongan gaji turut diberikan kepada Sahabat PTPTN.